

26 FEB 1997

Mahathir-Multimedia

MSC SATU CUBAAN CARI BAIK BURUK MAKLUMAT DARI LUAR, KATA PM

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Koridor Raya Multimedia (MSC) merupakan satu rancangan untuk menangani masalah yang mungkin wujud melalui perubahan daripada zaman industri kepada zaman teknologi maklumat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata zaman teknologi maklumat akan membawa bermacam-macam maklumat sama ada baik atau buruk dan hakikatnya ia tidak boleh disekat daripada diterima oleh orang ramai.

Oleh itu, MSC merupakan satu percubaan untuk mengetahui bagaimana maklumat yang tidak diinginkan dari luar dapat dicegah dan pada masa yang sama membenarkan maklumat yang baik, kata beliau ketika diwawancara dalam program "Bersama Perdana Menteri" yang disiarkan melalui RTM malam ini.

Beliau mengakui bahawa MSC adalah suatu perkara yang agak baru dan tidak semua orang memahami atau mengetahui arahnya.

"Dengan itu, kita harus mengadakan percubaan untuk seluruh negara. Kalaulah ianya membawa keburukan, agak sukar bagi kita untuk mengawal.

"Sebaliknya, kalau kita tentukan satu kawasan yang mana kita boleh ada satu percubaan yang terkawal, maka ianya mengurangkan kemungkinan bahaya berlaku kepada negara kita," kata beliau.

Kata beliau, kawasan yang ditentukan itu ialah antara Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL yang baru (di Sepang) dalam kawasan berukuran 15 km lebar dan 50 km panjang.

"Kita akan ada percubaan di dalam semua aspek gerakan masyarakat yang melibatkan teknologi maklumat supaya kita dapat mengetahui apa kebaikannya, apa keburukannya dan cara mana kita dapat mencegah yang buruk dan membenarkan sesuatu yang baik," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada multimedia yang masih dalam peringkat awal di negara ini mungkin menambahkan lagi masalah sosial negara yang sedia ada, Perdana Menteri berkata: "Hakikatnya ialah kita tidak dapat menangkis serangan daripada luar. Jadi sama ada kita hendak atau tidak, zaman maklumat ini akan membawa bermacam-macam maklumat."

Sambil berkata bahawa maklumat tidak boleh disekat dengan apa cara pun, beliau berkata: "Kita tidak ada pilihan sebenarnya. Hendak tak hendak, ini akan berlaku (maklumat akan sampai)."

"Justeru, kita terpaksa mencari jalan supaya maklumat ini dapat ditangani oleh kita dengan cara yang tidak memburukkan keadaan kita," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata MSC dapat memberi petunjuk bagaimana maklumat akan diterima dan bagaimana maklumat dapat diagihkan dan digunakan untuk manfaat orang ramai.

Kepada soalan sama ada Malaysia boleh membangun tanpa multimedia, Dr Mahathir berkata orang ramai mesti memahami dan menguasai pembaharuan supaya "kebebasan kita, 'independence' kita dapat dipelihara kerana kita tahu apa dia yang menyerang kita".

Dr Mahathir berkata kerajaan sedang secara beransur-ansur mempersiapkan rakyat bukan sahaja daripada segi prasarana dan fizikalnya tetapi juga daripada aspek mental berhubung multimedia.

Mengenai faedah MSC kepada orang ramai dan bagaimana ia boleh memperbaiki hidup mereka, beliau berkata maklumat penting dalam kehidupan manusia dan dengan mempunyai banyak maklumat, mereka boleh menghadapi cabaran hidup dengan lebih berjaya dan lebih yakin.

Dr Mahathir berkata, banyak lagi kegunaan multimedia kerana orang ramai

perlu maklumat sebelum membuat sesuatu dan sebarang maklumat boleh diperolehi menerusi MSC.

"Umpamanya kalau kita tidak tahu tempat itu bahaya atau tidak...kalau kita dapat maklumat, tempat ini ada sekian-sekian, kita boleh mengatur jalan supaya kita elak daripada bahaya itu," katanya.

Kerajaan juga perlu menggunakan teknologi multimedia untuk mengurangkan keperluan kakitangan yang bertambah dan memudahkan proses perhubungan antara orang ramai dan kerajaan.

Beliau menyebut Jabatan Imigresen sebagai contoh. Jabatan itu kini terpaksa memberi perkhidmatan kepada 16 juta rakyat Malaysia yang pergi ke luar negara dan sehubungan itu beliau berkata, kerajaan perlu memikirkan cara untuk mengatasinya.

Ketika ditanya sama ada teknologi itu merupakan satu kelebihan persaingan yang harus dikekalkan oleh negara-negara masa kini untuk menghadapi cabaran masa depan Dr Mahathir berkata: "Kalau kita tidak ambil peluang ini, kita biarkan mereka jauh ke hadapan, kemudian untuk mengejar mereka menjadi perkara yang susah".

Perdana Menteri berkata, pada hakikatnya Malaysia adalah lebih "maju" daripada kebanyakan negara membangun lain walaupun ketinggalan jika dibandingkan dengan negara yang sudah maju dalam bidang komputer.

Dr Mahathir yang belum berpuas hati dengan pencapaian penggunaan komputer di negara ini berkata, Malaysia perlu berusaha dan jangan menidakan kebolehan diri sendiri kerana mereka tidak akan tahu jika tidak mencuba. -- BERNAMA

ES RHM NMO